

TARIKH: 8/6/2023
SURAT KHABAR: HARIAN METRO
MUKA SURAT: MS 16

+

16

www.hmetro.com.my

@hmetromy



HarianMetro

@hmetromy

Khamis 08.06.2023 | Harian Metro

lokal

Kuala Lumpur: Kerajaan akan memastikan pelaburan yang dibawa masuk akan membuka peluang kepada generasi muda untuk mendapat gaji lebih baik.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Mustapha Sakmud berkata, perkara itu antara yang dibincangkan setiap kementerian dalam usaha mencapai tahap gaji yang progresif.

"Memang isu yang kita ha-

TANGANI ISU PENGANGGURAN BELIA

Gaji anak muda akan lebih baik hasil pelaburan baharu

dapi sekarang ini adalah masalah soal gaji dalam kala-nungan belia dan perkara ini sedang dibincangkan oleh semua kementerian bahawa kita sedang menuju kepada gaji progresif.

"Kita harap dengan kerjaan baharu Malaysia Madani

pastikan pelaburan datang ke negara ini dan akan meningkatkan ekonomi negara dan kita akan minta majikan memperhalusi dan mengambil kira keadaan terutama pekerja kita, generasi muda," katanya pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **Datuk Mohd Shahar Abdullah (BN-Paya Besar)** berhubung dasar terkini kerajaan dalam menangani isu pengangguran dalam kala-nungan belia serta langkah menjadikan gaji bermaruah

sebagai neraca dalam mengatasi masalah itu dengan fokus sebelum ini pekerja ekonomi gigi.

Mohd Yunus berkata, mengambil kira perkembangan ekonomi terkini demi memastikan pekerja terutama anak belia mendapat gaji le-

bih baik kerajaan akan meminta supaya majikan memperhalusi supaya kadar gaji dapat dinaikkan.

"Kestabilan politik itu penting. Kita perlukan kerajaan yang stabil untuk memastikan nasib anak muda terbaik untuk masa depan," katanya.